

28 JUL 2001

Nazri-Permit

NAZRI TERIMA BANYAK SURAT LAYANG

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohd Nazri Abdul Aziz berkata beliau menerima banyak surat layang kerana tindakannya memerangi kegiatan memajak permit teksi.

"Ada anggota Umno yang menghentam saya melalui sepucuk surat kerana memberikan permit teksi kepada anggota parti pembangkang disebabkan permohonan beliau mendapatkan permit tidak dilayan", katanya semasa merasmikan mesyuarat agung Persatuan Tuan Empunya Kereta Sewa Langkawi (Teksi) di sini malam tadi.

Nazri berkata beliau hanya membantu mereka yang benar-benar mahu membawa teksi dan tidak akan melayan anggota parti yang telah lama menganggotai Umno tetapi tidak pernah memandu kereta sewa dan teksi bagi mendapatkan permit.

"Tindakan memajak permit merupakan satu bentuk sistem perhambaan moden kerana memerah keringat orang lain untuk mendapatkan keuntungan atas angin", katanya.

Setakat ini, katanya, beliau telah membatalkan lebih 200 permit di kalangan mereka yang memajak permit di Kedah dan diberikan kepada pemandu teksi yang tulen.

"Banyak pihak yang marah dengan tindakan saya tetapi saya pasti kebanyakannya datang dari orang yang mendapat permit dan memajakkannya dan bukan dari pemandu teksi sendiri", katanya.

Nazri juga mahu semua pemandu teksi mengutamakan kerjaya mereka dan tidak mencampuradukkannya dengan fahaman politik masing-masing kerana ini akan menyulitkan usaha kerajaan untuk membantu menyelesaikan masalah mereka.

Fahaman politik perlu diketepikan semasa bekerja dan apa yang penting ialah menjaga imej pemandu teksi sebagai duta kecil negara untuk memberi khidmat sebaik mungkin kepada orang ramai terutama pelancong, katanya.

Beliau tidak mahu ada pemandu teksi yang memasang pelekat parti pembangkang di kenderaan mereka seperti yang terjadi semasa pilihan raya kecil di Likas kerana ini menjejaskan imej beliau sebagai menteri yang bertanggungjawab dalam soal pemandu teksi.

"Jangan marah kalau saya bertindak, saya kena bertindak sebab saya kerajaan (pemimpin) kerana kalau saya tidak mengambil tindakan ia menjejaskan kedudukan saya sebagai menteri", katanya.

Beliau juga berkata perpaduan di kalangan pemandu teksi amat penting bagi memudahkan penyelesaian kepada masalah berbangkit melalui saluran yang sesuai seperti mesyuarat agung.

"Dengan cara ini, pihak tertentu tidak berpeluang memecahbelahkan perpaduan pemandu teksi dan mudah bagi saya membawa perubahan bagi meningkatkan imej pemandu teksi.", katanya.

Sementara itu, Persatuan Tuan Empunya dan Pemandu Kereta Sewa Langkawi (Teksi) mahu kuasa mengeluarkan permit kenderaan sewa dan pandu sendiri serta bas pesiaran, dikembalikan kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

Pengerusi persatuan itu, Othman Husin berkata persatuan pada mesyuarat agung yang berakhir awal pagi ini, meluluskan usul itu untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang prihatin dengan perkembangan di Langkawi, tidak lama lagi.

Persatuan akan mengemukakan usul itu memandangkan pengeluarannya oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, telah disalahguna,

katanya.

Beliau mendakwa banyak pihak, termasuk syarikat pelancongan, pemandu pelancong dan hotel telah menyalahi syarat permit termasuk menggunakan sejumlah besar kenderaan yang tidak mempunyai permit atau menyediakan pemandu dalam perkhidmatan sewa dan pandu sendiri kenderaan.

"Tindakan mereka menjejaskan kehidupan lebih 600 pemandu teksi di Langkawi yang bergantung hidup kepada pekerjaan ini", katanya.

-- BERNAMA

NH LAT